



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 20 OGOS 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 20 Ogos 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **21,448 kes** (1,241,894 kes kumulatif, 82.1%);
- Kes baharu : **23,564 kes** (1,513,024 kes kumulatif);
- Kes import : **23 kes** (12 warganegara, 11 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **23,541 kes** [19,714 warganegara (83.7%); 3,827 bukan warganegara (16.3%)];
- Kes aktif : **257,417 kes**;
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU): **1,062 kes**;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **518 kes**;
- Kes kematian : **233 kes** [13,713 kes kumulatif, 0.91%];

199 warganegara, 34 bukan warganegara; 60 kes BID (44 warganegara; 16 bukan warganegara)];

- Jumlah kluster : **4,386 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **38 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **2,964 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif : **1,422 kluster**.

Daripada **23,564 kes** harian yang dilaporkan pada hari ini, sebanyak **431 kes (1.8 peratus)** adalah daripada kategori 3, 4 dan 5. Manakala sebanyak **23,133 kes (98.2 peratus)** lagi adalah terdiri daripada kategori 1 dan 2. Ini adalah berdasarkan keadaan klinikal kes semasa baharu didiagnosa COVID-19. Ada di antara kes kekal di kategori yang sama sepanjang tempoh jangkitan, namun ada juga yang berubah status kesihatan kes sama ada bertambah baik ke kategori lebih rendah atau merosot ke kategori lebih tinggi.


Secara keseluruhan, **19,362 kes (82.2 peratus)** daripada jumlah kes yang dilaporkan pada hari ini tiada atau tidak lengkap vaksinasi. Dapatkan vaksin COVID-19 bagi mengurangkan risiko jangkitan yang serius. Diharapkan ini akan mengurangkan jangkitan COVID-19 di dalam negara, terutamanya kes di kategori 3 hingga 5. Status vaksinasi COVID-19 mengikut kategori adalah seperti Rajah 1.

STATUS VAKSINASI KES COVID-19 | 20 OGOS 2021

HARIAN MENGIKUT KATEGORI



BERDASARKAN KEADAAN KLINIKAL SEMASA BAHARU DIDIAGNOSA COVID-19



Rajah 1 Status Imunisasi COVID-19 Harian Mengikut Kategori

Sebanyak **233 kes** kematian pada hari ini yang melibatkan **101 kes** di Selangor, **31 kes** di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, **23 kes** di Johor, **17 kes** di Sabah, **16 kes** di Perak, **15 kes** di Pulau Pinang, **11 kes** di Negeri Sembilan, **sembilan (9) kes** di Kedah, **empat (4) kes** di Terengganu, serta masing-masing **tiga (3) kes** di Kelantan dan Pahang.

KADAR KEBOLEHJANGKITAN COVID-19 ATAU R_0 / R_T (STATUS SEHINGGA 19 OGOS 2021)

Berdasarkan data terkini pada **19 Ogos 2021**, nilai R_T Malaysia adalah sebanyak 1.04. Negeri yang mencatatkan nilai R_T yang tertinggi adalah Perlis (nilai R_T 1.31), diikuti oleh Sabah (nilai R_T 1.22), dan Sarawak (nilai R_T 1.21). Semua negeri mencatatkan R_T melebihi 1.0 kecuali Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya, Wilayah Persekutuan Labuan, dan Negeri Sembilan.

Perincian jumlah dan purata kes mengikut negeri, kes-kes kematian, kluster-kluster baharu, dan Nilai R_T mengikut negeri adalah seperti di Lampiran 1, 2, 3, 4, dan 5 yang disertakan bersama kenyataan media ini.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak, sempit** dan **sempang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash, Wear** dan **Warn**).
- Sentiasa memakai pelitup muka di kawasan awam yang tertutup. Pemakaian pelitup muka berganda adalah digalakkan.

Patuhlah kepada S.O.P sebagai norma baharu dan dapatkan vaksin COVID-19 bagi mengurangkan risiko jangkitan yang serius, bilangan kes kematian sekaligus membina imuniti kelompok. Dengan pengambilan vaksin, kita dapat melindungi orang di sekeliling daripada kemungkinan jangkitan COVID-19. Dengan imuniti kelompok yang terbentuk, kumpulan yang belum layak diberi imunisasi seperti kanak-kanak dapat dilindungi. Perlindungan untuk semua bermula daripada diri kita.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. KKM akan memastikan langkah

pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

20 Ogos 2021 @ 6:45 petang.

LAMPIRAN 1

**BILANGAN KES COVID-19
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 20 OGOS 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	PURATA KES 7 HARI*	KADAR INSIDEN **	BILANGAN KES BAHARU ()***	BILANGAN KES KUMULATIF
SELANGOR	6,626	98.66	6,974 (2)	545,120
SABAH	2,140	52.89	2,738	116,667
KEDAH	1,824	80.44	1,932	78,008
WP KUALA LUMPUR	1,610	84.28	1,652 (18)	162,302
JOHOR	1,440	36.67	1,323	117,990
PULAU PINANG	1,419	78.55	1,523	67,882
SARAWAK	1,321	45.43	2,548 (3)	94,564
KELANTAN	1,256	64.10	1,281	63,514
PERAK	1,089	41.70	1,248	56,134
PAHANG	709	40.52	517	37,018
MELAKA	689	70.77	610	43,196
NEGERI SEMBILAN	571	49.14	608	87,443
TERENGGANU	558	43.15	521	27,131
PERLIS	42	15.92	64	1,255
WP PUTRAJAYA	37	38.81	24	5,040
WP LABUAN	3	2.77	1	9,760
MALAYSIA	21,334	62.31	23,564 (23)	1,513,024

*Tidak termasuk kes import A (luar negara) dan di Penjara/Lokap/Depot Tahanan Imigresen (DTI)

**Purata kes 7 hari bagi setiap 100,000 penduduk

***Kes import

LAMPIRAN 2

Ringkasan 233 kes kematian pada 20 Ogos 2021 adalah seperti berikut:

Negeri	Bil. Kes	Jantina		Kewarganegaraan		Tempat Kematian						Sejarah Penyakit
		L*	P*	WN**	BWN**	Hospital			BID***			
						Jumlah	WN**	BWN**	Jumlah	WN**	BWN**	
Selangor	101	57	44	81	20	77	66	11	24	15	9	71
WP Kuala Lumpur	31	20	11	26	5	18	15	3	13	11	2	23
Johor	23	15	8	18	5	20	17	3	3	1	2	17
Sabah	17	10	7	15	2	8	8	-	9	7	2	14
Perak	16	6	10	16	-	12	12	-	4	4	-	14
Pulau Pinang	15	9	6	14	1	14	13	1	1	1	-	12
Negeri Sembilan	11	5	6	10	1	7	7	-	4	3	1	9
Kedah	9	3	6	9	-	9	9	-	-	-	-	7
Terengganu	4	3	1	4	-	3	3	-	1	1	-	4
Kelantan	3	1	2	3	-	3	3	-	-	-	-	3
Pahang	3	2	1	3	-	2	2	-	1	1	-	3
Jumlah	233	131	102	199	34	173	155	18	60	44	16	177

*L merujuk kepada lelaki dan P merujuk kepada perempuan

**WN merujuk kepada warganegara dan BWN merujuk kepada bukan warganegara

***BID merujuk kepada *Brought In Dead*

LAMPIRAN 3

Perincian 23,564 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 20 Ogos 2021 mengikut jenis saringan adalah seperti berikut:

NEGERI	JUMLAH KES	KLUSTER	KONTAK RAPAT	IMPORT A*	LAIN-LAIN
SELANGOR	6,974	577	3,356	2	3,039
SABAH	2,738	172	1,616	-	950
SARAWAK	2,548	407	1,569	3	569
KEDAH	1,932	29	1,175	-	728
WP KUALA LUMPUR	1,652	192	782	18	660
PULAU PINANG	1,523	268	433	-	822
JOHOR	1,323	212	658	-	453
KELANTAN	1,281	171	792	-	318
PERAK	1,248	92	569	-	587
MELAKA	610	146	255	-	209
NEGERI SEMBILAN	608	39	343	-	226
TERENGGANU	521	50	391	-	80
PAHANG	517	99	334	-	84
PERLIS	64	6	13	-	45
WP PUTRAJAYA	24	-	15	-	9
WP LABUAN	1	-	-	-	1
JUMLAH KESELURUHAN	23,564	2,460	12,301	23	8,780

* Import A merujuk kepada kes penularan dari luar negara

LAMPIRAN 4**KLUSTER-KLUSTER BAHARU YANG DILAPORKAN DI MALAYSIA
PADA 20 OGOS 2021**

NO	NAMA KLUSTER	KATEGORI KLUSTER	NEGERI	DAERAH	JUMLAH KES	JUMLAH DISARING
1	Tapak Bina Jalan Damai Raya	Tempat Kerja	WP Kuala Lumpur	Cheras	185	251
2	Industri Kampung Jaya 2	Tempat Kerja	Selangor	Gombak	115	438
3	Industri Rinching Hulu Dua	Tempat Kerja	Selangor	Hulu Langat	53	87
4	Industri Dua Balakong Tujuh	Tempat Kerja	Selangor	Hulu Langat	29	46
5	Tapak Bina Dua Bukit Raja	Tempat Kerja	Selangor	Klang	23	124
6	Jalan Tun Salleh	Tempat Kerja	Selangor	Hulu Selangor	14	55
7	Industri Batu Lima Lorong Manan	Tempat Kerja	Selangor	Klang	9	21
8	Industri Jalan Dua Perkampungan Perabot	Tempat Kerja	Selangor	Hulu Selangor	8	35
9	Jalan Seringgok	Tempat Kerja	Sarawak	Bau	20	63
10	Sawit Sukau	Tempat Kerja	Sabah	Kinabatangan dan Lahad Datu	30	106
11	Jalan Bagan 12	Tempat Kerja	Pulau Pinang	Seberang Perai Selatan	43	104
12	Jalan Butterworth	Tempat Kerja	Pulau Pinang	Seberang Perai Utara	26	187
13	Halaman Kampung Jawa	Tempat Kerja	Pulau Pinang	Barat Daya	21	779
14	Jalan Sungai Puyu	Tempat Kerja	Pulau Pinang	Seberang Perai Utara	9	158

NO	NAMA KLUSTER	KATEGORI KLUSTER	NEGERI	DAERAH	JUMLAH KES	JUMLAH DISARING
15	Industri Perusahaan Dua Buntar	Tempat Kerja	Perak	Kerian	85	970
16	Jalan Teknologi Tiga	Tempat Kerja	Perak	Kampar	14	51
17	Jalan Post Office Lama	Tempat Kerja	Kelantan	Kota Bharu dan Machang	12	17
18	Kampung Rantau Panjang	Tempat Kerja	Kelantan	Pasir Mas	7	55
19	Industri Belati Kempas	Tempat Kerja	Johor	Johor Bahru	38	111
20	Industri Kampung Parit Baru	Tempat Kerja	Johor	Pontian	37	235
21	Jalan Sagai Empat	Tempat Kerja	Johor	Johor Bahru	36	75
22	Jalan Sri Bengkal	Tempat Kerja	Johor	Batu Pahat	12	325
23	Kampung Pak Pura	Komuniti	Kelantan	Bachok	26	30
24	Pasir Jelatang	Komuniti	Kelantan	Kota Bharu	12	20
25	Lubok Jambu Mulong	Komuniti	Kelantan	Kota Bharu	11	15
26	Kampung Hutan Buloh	Komuniti	Kelantan	Kota Bharu	9	15
27	Jalan Masjid Kampung Bakong	Komuniti	Kelantan	Pasir Mas	6	6
28	Kampung Telemin	Komuniti	Pahang	Lipis	25	114
29	Kampung Sungai Lebak	Komuniti	Pahang	Bentong	21	308
30	Jalan Ah Cheong Intan	Komuniti	Perak	Hilir Perak	30	83
31	Lorong Teruntum	Komuniti	Sarawak	Kuching	115	284

NO	NAMA KLUSTER	KATEGORI KLUSTER	NEGERI	DAERAH	JUMLAH KES	JUMLAH DISARING
32	Long Urun	Komuniti	Sarawak	Belaga	79	218
33	Kampung Goebilt	Komuniti	Sarawak	Kuching	65	151
34	Kampung Muara Tebas 2	Komuniti	Sarawak	Kuching	64	135
35	Lorong Temenggung Haji Gobil	Komuniti	Sarawak	Kuching	37	60
36	Jalan Lama Dorani	Komuniti	Selangor	Sabak Bernam	18	48
37	Kampung Pantai Melawi	Pendidikan Lain	Kelantan	Bachok dan Kota Bharu	26	40
38	Taman Bayam Baru	Institusi Pendidikan Swasta Berdaftar di bawah KPM	Kelantan	Kota Bharu dan Bachok	13	25

LAMPIRAN 5**NILAI R_T MENGIKUT NEGERI
BERDASARKAN KES YANG DILAPORKAN PADA 19 OGOS 2021**

NEGERI	NILAI R_T
PERLIS	1.31
SABAH	1.22
SARAWAK	1.21
PULAU PINANG	1.19
KELANTAN	1.14
KEDAH	1.12
PERAK	1.11
JOHOR	1.07
MELAKA	1.07
PAHANG	1.07
TERENGGANU	1.07
SELANGOR	1.00
WP KUALA LUMPUR	0.95
NEGERI SEMBILAN	0.94
WP PUTRAJAYA	0.89
WP LABUAN	0
MALAYSIA	1.04